

# Parti lawan cabul undang- undang

BH - 7 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada arah aliran di kalangan parti pembangkang sekarang sengaja mencabul undang-undang dengan tujuan mendesak kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka.

Perdana Menteri berkata, apabila tindakan diambil golongan terbabit akan memberitahu rakan mereka di luar negara, yang seterusnya akan mengancam kerajaan Malaysia, konon tiada kebebasan di negara ini.

"Parti pembangkang sepatutnya menyerahkan kepada rakyat sama ada mereka menerima sokongan popular atau tidak, bukan mengadakan perhimpunan serta meminta bantuan asing bagi mencapai matlamat mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai perhimpunan haram parti pembangkang di Jalan Kebun, Shah Alam semalam apabila pihak berkuasa terpaksa menahan lebih 100 orang kerana membantah arahan polis supaya bersurai.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40 di sini hari ini, beliau berkata perhimpunan itu tidak menjadi kenyataan kerana pihak berkuasa tidak membenarkannya kerana ia perhimpunan haram.

Bagaimanapun, katanya, kumpulan seperti ini tidak akan menghentikan tindakan mereka kerana apa yang penting bagi mereka ialah mencetuskan masalah kepada negara supaya pelabur dan pelancong tidak datang ke Malaysia.

"Tapi orang-orang ini minta kita ikut peraturan undang-undang. Apabila kita ikut peraturan undang-undang mereka

**LIHAT MUKA 2**

# Parti lawan boleh guna pelbagai saluran

BH - 7 NOV 2000  
DARI MUKA 1

kecam kita," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama mana yang dikehendaki, tetapi kerajaan membenarkan polis mengambil tindakan melalui pembicaraan terbuka di mahkamah.

Perdana Menteri berkata, pembicaraan itu berlangsung selama setahun dan dikendalikan dalam bahasa Inggeris bagi memenuhi kehendak media asing, manakala Anwar dibela oleh sembilan peguam terbaik di negara ini.

"Tapi mereka masih kata tidak ada proses yang sewajarnya... saya tak faham apa yang dimaksudkan dengan proses sewajarnya itu. Kita negara bebas, undang-undang kita jelas dan kita ikut undang-undang sepenuhnya, namun mereka kata tidak ada proses sewajarnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, banyak proses dalam negara yang parti pembangkang boleh gunakan sebagai saluran untuk mengukur sokongan seperti dalam pilihan raya atau di mahkamah bagi sesuatu kes.

"Malaysia bukanlah sebuah negara yang ahli politik pembangkang tidak boleh menang. Mereka boleh menang, malah merampas dua negeri (merujuk kepada Kelantan dan Terengganu yang dikuasai Pas).

"Namun begitu kita masih bersedia pergi kepada rakyat dan bertanya kepada mereka sama ada mereka masih mahukan kita atau tidak... jika tidak mahu mereka boleh jatuhkan kita," katanya.

Merujuk kepada tindakan beberapa anggota kongres Amerika Syarikat yang meminta perbicaraan Anwar diadakan semula, Dr Mahathir mengulangi bahawa mereka tidak faham undang-undang negara ini.

"Kalau buat semula, kena singkirkan semua hakim... apa salah mereka. Kalau ada rayuan, adalah satu lagi perbicaraan," katanya.

Beliau berkata, sesetengah media asing masih memberi gambaran negatif mengenai negara ini, antaranya Asian Wall Street Journal (AWSJ) yang mengeluarkan penarafan bahawa Malaysia adalah negara paling tidak bebas di dunia.

"Akhbar itu dicetak di negara ini dan kita tidak pernah sekali-kali sentuh apa yang dikatakan oleh mereka. Dan mereka tidak pernah mengatakan sesuatu yang baik mengenai negara tempat mereka mencetak akhbar mereka itu," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, ada majalah lain seperti Business Traveller yang menyatakan Kuala Lumpur adalah bandar raya rahsia kerana orang tidak tahu betapa eloknya bandar raya itu.

"Sebab orang tidak tahu ialah kerana sikap buruk akhbar antarabangsa. Begitu pun, kita akan terus bercakap menyatakan yang benar walau apa pun kata mereka," katanya.